

07/03/1999

Perdana edisi khas Piala Golf Sedunia

PROTON Perdana Edisi Khas Piala Golf Sedunia '99 berupaya menarik minat peminat sukan itu terutama apabila negara ini terpilih menjadi tuan rumah kejohanan berprestij itu pada November ini.

Sebaik saja, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan kereta itu di Kuala Lumpur pada 21 Februari lalu, kemunculannya memukau setiap tetamu yang hadir.

Roda Riong turut berkesempatan melihat lebih dekat Perdana Edisi Khas Piala Golf Sedunia ketika pelancaran di sebuah kelab golf terkemuka.

Menurut Pengerusi Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON), Tan Sri Mohd Salleh Sulong: "EON berusaha memupuk minat terhadap pertandingan Piala Golf Sedunia '99 di Malaysia dengan menawarkan sebuah Proton Perdana kepada pemain yang berjaya memasukkan bola dengan sekali pukulan dalam pertandingan itu.

"Memandangkan bahawa Proton Perdana ialah kereta yang paling popular dalam kelasnya, kami berfikir adalah amat sesuai bagi melancarkan Perdana Edisi Khas Piala Golf Sedunia '99 untuk segmen pasaran terpilih sempena memeriahkan pertandingan golf utama yang terakhir pada abad ini," tambahnya.

Di samping warna Perdana yang sedia ada, Proton Perdana Edisi Khas jenis automatik itu menawarkan warna hijau muda metalik istimewa.

Sempena kejohanan berkenaan, harganya berpatutan iaitu kira-kira RM87,000 di atas jalan.

Dengan memaparkan lencana Piala Golf Sedunia di kedua-dua belah bahagian fender depan, model Perdana baru itu dijangka mampu menembusi pasaran tempatan.

Seperti model Perdana lain, prestasinya jelas tidak menghampakan, tahap pengendalian kelas pertama, kecekapan tinggi dengan ciri-ciri keselamatan, keselesaan dan gaya.

Perdana Edisi Khas Piala Golf Sedunia itu mengekalkan sasaran 1997cc dengan mengeluarkan kuasa maksimum 101kW pada 6000 rpm dengan tork maksimum 176 Nm pada 4750 rpm.

Ia dilengkapi Sistem Brek Anti-Kunci (ABS) yang menghalang brek daripada terkunci ketika membrek kecemasan dan dapat mengawal dengan baik ketika di selekoh atau di permukaan jalan yang basah.

Ia memastikan kestabilan haluan dan kawalan dalam keadaan itu. Dari luar, warnanya cukup menawan, di dalam pula keselesaan menjadikan Perdana Edisi Khas Piala Golf Sedunia suatu keunikan kepada pembeli.

Susun atur yang menjimatkan ruang, bahagian dalaman lebih luas, dilengkapi pula kerusi empuk dan sesuai untuk melabuhkan punggung, pinggang dan badan.

Roda Riong juga tidak melepaskan peluang menjenguk bahagian dalaman kereta itu, sambil bersetuju dan yakin Perdana Edisi Khas Piala Golf Sedunia berkenaan berupaya menandingi kebanyakan kereta mewah lain.

Kemasan keseluruhan, stering, tempat duduk, tombol gear, dan suis penghawa dingin cukup menarik dan menepati pandangan.

Perdana Edisi Khas Piala Golf Sedunia direka sebaik mungkin. Ia dapat menonjolkan imej pembelinya sesuai dengan jenama kereta nasional negara yang dihormati dari segala aspek.

Model itu kelihatan hebat dan bergaya di jalan raya dan membuktikan bahawa anda membuat pilihan dan pelaburan tepat.

Dari segi enjin pula, bunyi yang dikeluarkan juga amat selesa manakala

kuasa pecutannya pula cukup untuk membolehkan anda memandu pada kelajuan sehingga 195 km/j dengan keriuhan yang tidak mengganggu.

(END)